

16 AUG 2003

Mahathir-Budaya/I

MASYARAKAT PERLU BERHATI-HATI PILIH BUDAYA, TRADISI, KATA DR M

Oleh: Mikhail Raj Abdullah

EZULWINI (Swaziland), 16 Ogos (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menasihati anggota masyarakat yang kini berdepan dengan pelbagai bentuk pengaruh budaya dan tradisi supaya berhati-hati dalam membuat pilihan dan hanya memilih apa boleh membawa kemajuan kepada mereka.

Beliau berkata anggota masyarakat perlu berkemampuan menilai sesuatu budaya atau tradisi agar mereka dapat memutuskan sama ada menerima atau menolaknya, kata beliau semasa menjawab soalan anggota Kelab 29 yang terdiri daripada profesional dan usahawan muda di Dialog Perkongsian Pintar Global 2003, di sini, semalam.

"Sudah tentulah kita patut beri keutamaan kepada kemajuan, dan untuk maju, kita perlu lakukan perkara tertentu yang tidak ada dalam tradisi dan budaya kita," kata Perdana Menteri apabila diminta menjelaskan bagaimanakah seseorang itu patut menangani antara keperluan mengamalkan pendekatan moden untuk maju dan pada waktu yang sama, memelihara tradisi bagi mengekalkan jati diri.

Kata Dr Mahathir: "Kita tidak boleh kata bahawa walaupun kita boleh maju, tetapi oleh kerana budaya kita berkata kita tidak boleh lakukan perkara ini, maka kita terpaksa melupakan kemajuan. Pada pendapat saya, ini merupakan sikap yang amat negatif."

"Kita patut akui bahawa ada perkara yang dilakukan pada masa lalu yang kita telah mewarisinya sebagai suatu budaya atau tradisi yang bukan saja tidak memberi manfaat, malah menghalang kemajuan kita," katanya.

Dr Mahathir berkata apa jua perkara yang kita lakukan hari ini dan kemudian mengamalkannya selama beberapa dekad, akan menjadi suatu tradisi.

Mengenai budaya pula, beliau berkata ia adalah sesuatu yang diwarisi dan menjadi identiti sesuatu masyarakat yang akan sentiasa dipertahankan.

Sebagai contoh, kata beliau, dalam kebanyakan masyarakat Asia, isteri perlu patuh kepada suami.

"Tapi, sekiranya anda mempunyai suami yang menghidap HIV-AIDS, sudah tentulah isteri dan anak-anak anda juga akan dijangkiti AIDS."

"Pada peringkat ini, dan apabila menghadapi dilema ini, adakah anda akan terus mempertahankan budaya atau berkata lupakan saja tentang budaya, lupakan saja mengenai kepatuhan, kerana ia sesuatu yang salah."

"Oleh itu, kita perlu berubah dan gunakan penilaian serta pendekatan baru terhadap budaya seperti ini," kata beliau.

Dr Mahathir berkata itu merupakan suatu contoh yang paling ketara dan terdapat pelbagai perkara lagi yang perlu kita buang dan gantikan dengan perkara baru yang lama kelamaan akan menjadi tradisi dan budaya kita.

"Anda perlu berhati-hati dan perlu belajar untuk menilai apa yang akan anda warisi. Anda juga perlu putuskan sendiri sama ada sesuatu itu baik atau tidak untuk anda," kata Perdana Menteri.

Bagaimanapun, Dr Mahathir berkata beliau tidak bersetuju dengan perbuatan mengimport sepenuhnya budaya luar tanpa memikirkan tentang baik atau buruknya.

Contohnya, kata beliau, suatu ketika dulu, fesyen rambut afro amat popular kerana bangsa kulit putih di Amerika berasa bersalah dengan cara mereka melayan bangsa kulit hitam dan oleh itu, ingin menggolongkan diri mereka sebagai bangsa kulit hitam juga.

"Tapi, mereka tidak dapat tukar kulit mereka kepada warna hitam. Jadi, apa yang mereka lakukan ialah mengamalkan fesyen rambut afro dan kita di Asia juga ikut sama, walaupun kita tidak pernah lakukan kesalahan kepada

bangsa kulit hitam," kata beliau.

Dr Mahathir berkata, apabila menilai sesuatu budaya, kita perlu bertanya mengapakah ia diamalkan oleh sesuatu masyarakat dan mengapakah kita patut atau tidak patut menerimanya.

Beliau berkata, oleh kerana masyarakat sekarang sentiasa menjadi sasaran serangan media termasuk televisyen, video serta Internet dan terdedah kepada pelbagai jenis budaya, maka kita perlu bijak memilih budaya manakah yang sesuai untuk kita.

"Saya tidak fikir kebanyakan kita akan merestui perkahwinan antara kaum sejenis atau sesuatu seperti itu.

"Maaflah, (walaupun) saya bukan penganut Kristian, tapi saya terkejut apabila seorang paderi yang mengaku sebagai "gay" tetap diterima oleh jemaahnya.

"Saya harap saya tidak menyakiti hati sesiapa, tapi (perkara) itu adalah salah. Ia adalah sesuatu yang selalu kita larang tapi tiba-tiba ada guru yang mengatakan bahawa apa yang diajar selama ini adalah salah dan perkara itu boleh dilakukan sekarang," kata Dr Mahathir.

Oleh itu, kata beliau, kita perlu berhati-hati memilih sesuatu tradisi dan budaya.

-- BERNAMA

MR JM SP